

<https://kampusuols.com/article/422641/U-In-News/JOHOR/Demi-Jalur-Gemilang-di-Puncak-Everest-hujan-angin-kuat-dan-suhu-sejuk-10-darjah-Selsius-pendaki-UTHM-sanggup-tempuhi>

Demi Jalur Gemilang di Puncak Everest, hujan, angin dan suhu -10 darjah Selsius pendaki UTHM sanggup tempuhi

[SURIAYATI BAHAROM, UTHM](#) 19 September 2018

PASUKAN UTHM Everest Golden Quarter yang terdiri daripada tujuh pelajar bersama seorang pensyarah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah berjaya merealisasikan misi mengibarkan bendera di Kem Dasar Tertinggi Everest pada 16 September lalu bersempena sambutan Hari Malaysia dan sambutan ulang tahun UTHM yang ke-25.

Pasukan yang diketuai Dr. Nur Kamilah Yusuf ini juga turut berjaya mencatat nama UTHM di dalam *Malaysia Book of Records* dengan rekod *Highest Altitude Lectures Class* di ketinggian 5550 mdpl. Kejayaan ini telah memberi satu nafas baharu kepada universiti dalam usaha memperkukuhkan lagi namanya di peringkat antarabangsa selari dengan usianya yang mencecah 25 tahun pada tahun ini.



Di kemuncak Kem Dasar Tertinggi Dunia.

Misi mengibarkan bendera Jalur Gemilang dan bendera sambutan ulang tahun UTHM ke-25 ini

mengambil masa 10 hari pendakian bermula 7 September lalu untuk sampai ke Kem Dasar Tertinggi dunia tersebut.

Sebelum memulakan pendakian, pasukan ini juga turut menjayakan misi sampingan mereka dengan menyertai program khidmat komuniti melibatkan pemasangan lampu solar di beberapa kawasan perkampungan sekitar Kathmandu, Nepal. Projek pemasangan lampu solar yang diketuai Profesor Madya Dr. Mustaffa Ibrahim ini bertujuan untuk menerangi lorong-lorong sekitar Madrasah Asyraful Ulum dan beberapa laluan untuk menuju ke kem dasar tersebut.



CSR pemasangan lampu solar di salah sebuah bangunan di Kathmandu, Nepal.

Menurut Kamilah, misi menawan kem dasar tertinggi Everest ini merupakan hadiah paling bermakna yang ingin mereka berikan kepada UTHM dalam usaha untuk meningkatkan lagi imej dan visibiliti universiti ini di mata dunia.



Sesi bersama anak-anak madrasah.

Jelasnya lagi walaupun mengambil masa yang lama untuk menyelesaikan misi ini, ditambah pula dengan halangan cuaca dan bentuk muka bumi yang pelbagai, semua cabaran tersebut tidak sedikit pun melunturkan semangat mereka untuk meneruskan misi sehingga berjaya.

“Cabaran paling ketara yang terpaksa kami tempuh adalah apabila berhadapan dengan hujan dan angin yang kuat serta suhu sejuk yang mencecah sehingga 2 darjah Selsius di sebelah siang, manakala malamnya pula sehingga -10 darjah Selsius,” katanya.



Bergambar bersama penghuni Madrasah Asyraful Ulum, Kathmandu, Nepal.

“Pendakian ke sana memberikan satu pengalaman yang berharga buat kami, makanya kami cuba menggunakan peluang ini dengan sebaik mungkin setelah mendapat sokongan dan galakan daripada pelbagai pihak antaranya daripada pihak istana dan kerajaan negeri Johor, Kementerian Pendidikan Malaysia, fakulti dan universiti mahupun ahli keluarga,” tambahnya lagi.

Mereka dijangka tiba di tanah air pada 22 September ini setelah berjaya mengharungi pelbagai cabaran sepanjang 19 hari berada di bumi Nepal.



Lampu solar turut dipasang di lorong-lorong sekitar madrasah dan laluan ke kem dasar.